

**SOALAN NO. : 40****DEWAN RAKYAT MALAYSIA****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]****TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)****SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan dari tarikh pelaksanaan hingga September 2017 untuk projek Rancangan Tebatan Banjir di Sibu dan apakah perkembangannya setakat ini.

83

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di- Pertua,

Sebanyak RM291 juta telah dibelanjakan sepanjang RMKe-9 hingga RMKe-11 (tahun 2009 hingga September 2017) bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir di Sibu. Manakala dalam RMKe-11, RTB Sibu Fasa 3 sedang dilaksanakan dengan siling kos sebanyak RM100 juta bagi melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir khususnya di kawasan Sungai Bakong dan Sungai Beranggau. Kerja-kerja pembinaan ditapak bagi Projek RTB Sibu Fasa 3 ini dijangka akan dimulakan pada Julai 2018.

Sekian, terima kasih.